

04 NOV 2000

LID-PERKONGSIAN PINTAR

LID MEDAN YANG AKAN MENAWARKAN LEBIH BANYAK PERKONGSIAN PINTAR

Oleh: Yong Soo Heong

KUALA LUMPUR, 4 Nov (Bernama) -- Di Dialog Antarabangsa Afrika Selatan Global 2000 (SAID 2000) pada Ogos tahun ini, pusat kegiatan perkongsian pintar telah diiktiraf sebagai boleh memainkan peranan penting bagi kegiatan perkongsian pintar dan ia seharusnya dapat berfungsi dengan cekap.

Melempi peringkat pengiktirafan dan susulan daripada Bahagian Satu Dialog Perkongsian Pintar Antarabangsa di Mozambique, Bahagian Kedua akan dibentang dan diperbincangkan di Langkawi bermula 19 Nov hingga 22 Nov ini.

Dalam Bahagian Kedua ini, Dialog Antarabangsa Langkawai (LID) akan mengkaji pendekatan bagaimana pusat kegiatan perkongsian pintar negara boleh beroperasi dan mengenalpasti pembangunan projek-projek tulen.

Dialog seumpama itu menyediakan perkara-perkara tumpuan untuk dipertimbang di samping berkongsi pengalaman. Ia diadakan dengan sasaran untuk merangka satu pendirian bersama bagi menangani kesan-kesan negatif globalisasi dan tekanan-tekanan kuasa lain.

Ini terutamanya apabila pembuat keputusan di kalangan ekonomi yang lebih matang sering mengabaikan pandangan, kebimbangan dan keperluan ekonomi-ekonomi sedang muncul.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga sering menyuarakan keadaan yang tidak seimbang ini di pelbagai forum antarabangsa.

Oleh itu apakah jalan yang terbaik? Di manakah kita harus bermula sekarang?.

Untuk mencari penyelesaian kepada situasi berat sebelah ini, persoalan untuk memajukan pendekatan positif kepada isu-isu global akan menjadi perkara utama dalam perbincangan khusus di LID.

Ramai yang berpendapat terdapat keperluan untuk meningkatkan kecekapan dalam mengatasi gangguan dalam pembangunan negara yang wujud akibat daripada kekurangan keusahawanan, kecekapan dan keselamatan serta peraturan yang tidak mencukupi.

Perkara utama di LID adalah untuk melihat bagaimana amalan perkongsian pintar dan fungsi pusat kegiatan berkaitan boleh diperkukuhkan.

Daripada segi memajukan hubungan perniagaan rakan kongsi pintar, beberapa kemajuan telah dibuat dalam dunia perniagaan di Afrika Selatan. Dialog-dialog seumpama itu sering dianggap sebagai satu "pusat perbincangan".

Menurut Joaquim Alberto Chissana, presiden Mozambique, terdapat petanda-petanda ada berlakunya pertukaran pengalaman antara pusat kegiatan negara dan antarabangsa.

"Rangka kerja perkongsian pintar berguna dalam memindahkan projek-projek utama seperti Maputa Corridor, Mtwara Corridor, Kgalagadi Trans-Frontier Conservation Park dan Jambatan Chirundu antara Zimbabwe dan Zambia. Ia adalah antara contoh-contoh perkongsian pintar yang dilaksanakan," katanya dalam analisis selepas-SAID 2000.

Untuk menggerakkan ke hadapan proses perkongsian pintar, Chissana merasakan terdapat beberapa langkah yang boleh diusahakan. Ia termasuklah menubuhkan komunikasi antara pusat kegiatan negara, rakan kongsi perniagaan dan Perkongsian Komanwel bagi Pengurusan Teknologi (CPTM) dan menyusun bank data rakan kongsi perniagaan pintar.

CPTM sering dianggap sebagai satu contoh berguna bagi kerjasama ekonomi dan teknikal berasaskan kepada perkongsian sektor swasta/perniagaan kerajaan. Sejak 1989, lebih 300 projek telah diusahakan oleh CPTM.

Untuk memudahkan perkongsian pintar di bahagian Malaysia, Kumpulan

Industri-Kerajaan Malaysia bagi Teknologi Tinggi (MIGHT) telah dibentuk tujuh tahun lalu sebagai perkongsian pintar antara kerajaan dan sektor swasta untuk menggerak dan menguruskan teknologi di luar sumber-sumber organisasi individu.

Selain Dr Mahathir dan Chissana yang akan menerajui LID, pemimpin utama lain yang akan turut serta adalah Sam Nujoma, Presiden Namibia, dan Festus G.Mogae, Presiden Botswana.

Tidak syak lagi dengan gabungan idea dan ikhtiar pemimpin-pemimpin dunia ini yang digembelingkan bersama-sama, akan dapat membantu mencapai keputusan "sama-sama menang" dalam pelbagai dimensi menjelang 22 Nov ini.

-- BERNAMA

SHY SHY ZK